

## ABSTRAK

Demokrasi Liberal menjadi impian kepada semua pemimpin Indonesia walaupun dari awal-awal lagi Sukarno tidak setuju dengan konsep Demokrasi Liberal. Keghairahan pemimpin-pemimpin Indonesia dengan parti politik masing-masing serta ideologi politik telah membawa pelbagai masalah kepada Indonesia. Pengalaman semasa zaman penjajahan memang merupakan satu pengalaman yang pahit. Rakyat Indonesia yakin bahawa semua keperitan hidup ini akan dapat diatasi selepas Indonesia Merdeka.

Rakyat Indonesia juga yakin bahawa pengakuan kemerdekaan Indonesia oleh Belanda pada 27 Disember 1949 dan tidak adanya ancaman dari kuasa asing lain akan membawa satu zaman kegemilangan kepada Indonesia. Rakyat Indonesia meletakkan harapan yang tinggi kepada pemimpin mereka. Namun semua harapan ini tidak menjadi kenyataan. Keadaan ekonomi bertambah buruk dan rakyat mula menderita. Konflik peribadi antara pemimpin menjadi punca utama kepada semua masalah termasuk kegagalan Demokrasi Liberal.

Sukarno telah menggunakan kesempatan ini untuk memperkenalkan Demokrasi Terpimpin. Rakyat juga turut menerima kerana percaya kepada janji-janji Sukarno bahawa Demokrasi Terpimpin akan menjamin kesejahteraan Rakyat. Namun sistem Demokrasi Terpimpin ini telah memburukkan lagi keadaan ekonomi di Indonesia. Sukarno pula, masih menggunakan retorik lama untuk menyakinkan rakyat. Kegagalan Demokrasi Liberal ini telah memburukkan lagi kehidupan rakyat Indonesia walaupun negara itu sudah merdeka dari penjajahan asing.